


Headline	Najib kemuka seramai 19 saksi		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	27 Jul 2020	Readership	338,115
Circulation	112,705	Page No	4
Section	Setempat	Journalist	N/A
ArticleSize	440 cm²		
PR Value	RM 52,000		



NASIB Najib akan ditentukan oleh Mahkamah Tinggi, esok.

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mengemukakan 19 saksi bagi menjawab tujuh tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram dana SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta yang dihadapinya.

Prosiding bela diri itu mengambil masa 33 hari di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali bermula pada 3 Disember tahun lalu.

Selain Najib, antara saksi utama dipanggil sepanjang perbicaraan bela diri itu ialah bekas Ketua Setiausaha Perbadanan Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, bekas Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman, bekas Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali dan dua bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan Latheefah Koya.

Dalam pembelaannya, bekas perdana menteri itu mengakui terjeut mendapat tahu wang berjumlah RM42 juta daripada SRC International Sdn Bhd dimasukkan dalam akaun bank miliknya.

Menurut Najib, beliau mengambil keputusan tidak memulangkan wang

itu kerana ia masih tertakluk kepada siasatan pihak berkuasa dan mahu menunggu hasil siasatan.

Ahli Parlimen Pekan itu berkata, beliau sememangnya tidak mengetahui dana terabit adalah daripada sumber SRC International ketika ia dipindah masuk ke dalam akaunnya iaitu pada Disember 2014 dan Februari 2015.

Jelasnya lagi, beliau hanya mengetahui sumber wang berkenaan selepas ia menjadi isi kemudian.

Mengenai pembabitan ahli perniagaan dalam buku Low Tack Jho atau Jho Low pula, Najib menyatakan Jho Low dipilih sebagai penasihat kepada Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Sultan Mizan Zainal Abidin bagi menentukan halaju Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA) dalam pembangunan di negeri Terengganu.

Menurut Najib, Jho Low memperkenan dirinya sebagai individu yang amat berpengaruh di negara Asia Barat dan beliau percaya ahli perniagaan itu mampu mempermudahkan urusan pelaburan iMalaysia Development Berhad (IMDB) kerana negara Asia Barat

» **TUDUHAN**
Dua tuduhan selaku Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan penasihat Emeritus SRC International Sdn Bhd, yang diamanahkan wang SRC RM4 billion, melakukan pecah amanah jenayah terhadap RM27 juta dan RMS juta.

Tuduhan ketiga membabitkan kesalahan sama terhadap wang berjumlah RM10 juta

Tuduhan keenam menggunakan jawatan untuk suapan RM42 juta apabila mengambil bahagian bagi pihak kerajaan untuk memberikan jaminan pinjaman RM4 billion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) kepada SRC International.

mempunyai lebihan wang tunai disebabkan kenaikan harga minyak.

Pengaruh yang besar itu menyebabkan Jho Low kekal sebagai penasihat walaupun Lembaga Pelaburan Terengganu

ganu diambil alih Kerajaan Persekutuan dan ditukarkan kepada iMDB.

SRC adalah syarikat sumber strategik iaitu anak syarikat kepada iMDB.

Jelasnya lagi, penubuhan iMDB pada 2009 turut mengekalkan Lembaga Pengarah sama kerana pengalaman dan kelayakan mereka dalam operasi syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Najib seterusnya menjelaskan, selepas keputusan dibuat supaya TIA diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan supaya sabah dipegang Menteri Kewangan Dipерbadankan (MKD), Ahli Lembaga Penasihat memaklumkan mengenai keperluan untuk meminda Memorandum & Artikel Persatuan iMDB (M&A) yang sedia ada.

Katanya, beliau tidak nampak apa-apa yang luar biasa mengenai keperluan untuk melaporkan kepada selaku Perdana Menteri kerana beliau diberikan kuasa mutlak mengenai pelantikan pengaruh di syarikat GLC yang lain seperti Khazanah, Petronas, PNB (Permodalan Nasional Berhad), TNB (Tenaga Nasional Berhad), Telekom dan sebagainya.

Najib kemuka seramai 19 saksi